

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan "**WAVE & WIN MyDebit Je with your ATM Card!**" ["**Peraduan**"] ini dianjurkan bersama oleh by Segi Value Holdings Sdn Bhd (No. Syarikat : 201001001153 (885726-W)) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat.: 200801053403 (836743-D)) ["**PayNet**"] (dirujuk secara kolektif sebagai "**Pihak Penganjur**").
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang memegang kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik ["**ATM**"] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah layak untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini ["**Peserta**"]. Peserta juga mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia, tidak dormant dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan hadiah.
 - Pembayaran minimum sebanyak **RM 50** dan ke atas menggunakan kad ATM MyDebit di mana-mana cawangan SEGI FRESH layak mendapat maksimum 1 penyertaan untuk SATU (1) resit setiap bulan.
3. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Wakil, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau ejen promosi bagi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan

4. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 September 2022, 12.01pagi sehingga 31 Disember 2022 11:59 malam** (Waktu Malaysia) ("**Tempoh Peraduan**") dan dibahagikan mengikut tempoh bulanan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
5. Tempoh Peraduan yang dibahagikan:
 - i. **Bulan September: 1 September 2022 – 30 September 2022;**
 - ii. **Bulan Oktober: 1 Oktober 2022 – 31 Oktober 2022;**
 - iii. **Bulan November: 1 November 2022 – 30 November 2022;**

iv. Bulan December: 1 Disember 2022 – 31 Disember 2022.

6. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan di atas akan ditolak. Sebagai contoh, slip transaksi bertariikh 1 September 2022 (Bulan September) mesti diserahkan pada atau sebelum 30 September 2022. Slip transaksi tersebut tidak layak untuk bulan berikutnya iaitu Bulan Oktober.
7. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlakanya.
8. Pembelian minimum bernilai **RM50** dan ke atas (kecuali untuk tambahan kepada prabayar dan atau pembayaran bil) di mana-mana cawangan SEGI FRESH dengan menggunakan kad ATM MyDebit **(secara tanpa sentuh)** sebagai kaedah pembayaran, dalam Tempoh Peraduan yang ditetapkan (dengan resit transaksi yang dicetak dengan jelas) akan layak untuk menyertai dan diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini **[“Bukti Pembelian”]**.
9. Semua pembayaran mestilah menggunakan kad ATM MyDebit **(secara tanpa sentuh)** untuk dikira sebagai penyertaan yang layak dan Bukti Pembelian mesti dihantar mengikut mana-mana kaedah penyertaan seperti dinyatakan di bawah klausa 10 Cara Penyertaan dan dibuat dalam Tempoh Peraduan.

Cara Penyertaan

10. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan satu Bukti Pembelian yang dibuat dalam Tempoh Peraduan di mana-mana kedai SEGI FRESH melalui mana-mana satu daripada cara berikut:
 - **Cara Penyertaan (1): melalui WhatsApp**
 - Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **+6012-318 9966** dalam format berikut:
MyDebit <jarak> Nama Penuh <jarak> Nombor Kad Pengenalan
 - Peserta akan mendapat balasan mesej dengan pautan URL ke laman web Peraduan (soalan Peraduan, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja).
 - i. Daftar/Log masuk di laman web Peraduan;
 - ii. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - iii. Jawab soalan Peraduan dan muat naik Bukti Pembelian;
 - iv. SIMPAN: Bukti Pembelian (Asal).
 - Peserta akan menerima maklumbalas penerimaan secepat mungkin selepas penghantaran.
 - Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Maklumat Peserta (mengikut kad pengenalan);
 - ii. Gambar Bukti Pembelian yang jelas.

- Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.
 - Perhatian: Setiap pembelian bernilai **RM50** dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).
 - **Cara Penyertaan (2): Melalui Imbasan Kod QR**
 - Imbas kod QR dan ikuti pautan arahan penyemak imbasan ke laman web Peraduan:
 - i. Daftar/Log masuk di laman sesawang Peraduan;
 - ii. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - iii. Jawab soalan Peraduan dan muat naik Bukti Pembelian;
 - iv. SIMPAN: Bukti Pembelian (Asal).
 - Peserta akan menerima maklumbalas penerimaan serta merta selepas penyertaan.
 - Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Maklumat peserta (mengikut kad pengenalan);
 - ii. Gambar Bukti Pembelian yang jelas.
 - Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.
 - Perhatian: Setiap pembelian bernilai **RM50** dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).
11. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi (dengan pembayaran **RM50** dan ke atas menggunakan transaksi kad ATM MyDebit) layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih daripada SATU (1) kali.
12. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai Pemenang) hanya layak untuk memenangi SATU (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan (Pemenang).

13. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur, agensi, ahli gabungan, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
14. Peserta dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan yang sah (Kad Pengenalan Malaysia atau paspot) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang telah pudar atau rosak adalah tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
15. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut.
- o Pemilihan Pemenang: Pada akhir setiap Tempoh Peraduan yang dibahagikan (sila rujuk Klausa 5 di bawah Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan), Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah Penyertaan keseluruhan yang sah yang mengikut bulan yang tersebut dalam Tempoh Peraduan yang dibahagikan [**“Peserta yang Terpilih”**].

Hadiah Peraduan & Penebusan

SEPTEMBER

JENIS	HADIAH	JUMLAH PEMENANG
Hadiah Utama	Samsung Galaxy S22 Ultra	2
Hadiah Pertama	Triban RC120 8 Speed Road Bike	2
Hadiah Sagu Hati	Baucer Segi Fresh bernilai RM 300	40

OKTOBER

JENIS	HADIAH	JUMLAH PEMENANG
Hadiah Utama	Yamaha Y15ZR (tidak termasuk fi pendaftaran, cukai jalan, insurans/takaful)	2
Hadiah Pertama	Dyson V8 Slim Fluffy + Stick Vacuum	2
Hadiah Sagu Hati	Baucer Segi Fresh bernilai RM 300	40

NOVEMBER

JENIS	HADIAH	JUMLAH PEMENANG
Hadiah Utama	HP Pavillion PC Set	2
Hadiah Pertama	Nespresso Lattissimo Coffee Maker	2
Hadiah Sagu Hati	Baucer Segi Fresh bernilai RM 300	40

DECEMBER

TYPE	HADIAH	JUMLAH PEMENANG
Hadiah Utama	Samsung 65"QLED 4K Smart TV	2
Hadiah Pertama	Le Creuset Signature Stir Fry Pot	2
Hadiah Sagu Hati	Baucer Segi Fresh bernilai RM 300	40

- Sejumlah seratus tujuh puluh enam (176) Hadiah Peraduan untuk dimenangi.
 - Segala imej gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa bahan promosi, iklan, publikasi/laman sesawang dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menggambarkan dengan hadiah sebenar yang diterima.
16. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
 17. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh/menukar tempat bagi menuntut hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan hadiah kepada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
 18. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan, kos, fi atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
 19. Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah. Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
 20. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.
 21. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih berdasarkan maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
 22. Sekiranya Peserta yang Terpilih tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) kali percubaan setiap hari selama tiga (3) hari berturut-turut (pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) atau gagal untuk menjawab soalan dengan tepat, Penganjur mempunyai hak melucutkan kelayakan Peserta yang Terpilih tersebut

dan Penganjur berhak untuk menghubungi Peserta yang dipilih daripada cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta yang terpilih tersebut sebagai Pemenang mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur.

23. Semua Pemenang mesti menuntut hadiah pada tarikh yang ditentukan Pihak Penganjur atau dalam tempoh **DUA (2) bulan** selepas dihubungi oleh Pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima hadiah mereka.
24. Sekiranya Pemenang memerlukan wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, Pemenang mesti memberitahu Penganjur sekurang-kurangnya DUA (2) hari lebih awal daripada tarikh penebusan seperti ditetapkan oleh Penganjur. Pemenang hendaklah mengemukakan surat kebenaran wakil yang dikeluarkan oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri sah Pemenang dan juga dokumen pengenalan diri sah untuk wakil Pemenang.

Hak Pihak Penganjur

25. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran royalti atau pampasan kepada Pemenang/Peserta. Pemenang/Peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap bahan tersebut.
26. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicaranya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.
27. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
28. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa.

29. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang <https://ketchupps.com/contest/segifresh> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
30. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di <https://ketchupps.com/contest/segifresh> akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
31. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
32. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.
33. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atas sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

34. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
35. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.

36. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.
37. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan / atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan para peserta kami untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

38. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("**Data Peribadi**") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
39. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank Peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
40. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur melalui laman sesawang yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
41. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur di <https://ketchupps.com/contest/segifresh>

42. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
43. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]